

**PEMAKANAN *HALALAN TOYYIBAN* DALAM  
PEMBANGUNAN KELUARGA MITHALI**

**KHAIRUDIN BIN SHAARY**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2020**

**PEMAKANAN *HALALAN TOYYIBAN* DALAM  
PEMBANGUNAN KELUARGA MITHALI**

**oleh**

**KHAIRUDIN BIN SHAARY**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Ogos 2020**

## PENGHARGAAN

Segala Puji Bagi Allah SWT Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang terhadap semua hamba-NYA. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, para ahli keluarga, serta para sahabat baginda yang mulia.

*Alhamdulillah* dan setinggi-tinggi rasa syukur, berkat taufiq serta izin Allah SWT dapat kajian ini dilaksanakan. Sesungguhnya perjalanan ilmu ini memerlukan semangat dan istiqamah yang tinggi.

Dengan rasa rendah diri, ingin penulis dedikasikan segala manfaat dan kebaikan kajian ini buat **Dr. Mohammad Amir Wan Harun** kerana tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar, semangat, idea, dan menyatuni penulis dengan sabar dan ikhlas.

Seyogianya juga, ucapan ribuan terima kasih buat para sahabat ijazah tinggi di PPIK, staf di Perpustakaan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), dan Perpustakaan Hamzah Sendut USM terutama buat **Pn. Rosnani Ahmad** yang banyak membantu penulis dalam urusan teknikal disertasi ini. Tidak dilupakan kepada penaja, Lembaga Tabung Amanah Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang yang memberi suntikan dana buat penulis dalam menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, tidak terbalas rasanya dengan ucapan terima kasih kepada ibu bapa kerana doa yang senantiasa mengiringi penulis, juga kudus buat isteri yang dicintai, **Nur Hasanah binti Mohd Omar** yang setia menemani perjalanan akademik ini.

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>ix</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>xii</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xiii</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	2
1.2.1 Isu Kesan Pemakanan Kepada Kehidupan Muslim .....	5
1.2.2 Isu Kesan Pendapatan Kepada Konotasi Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> ..	8
1.3 Permasalahan Kajian.....	11
1.4 Objektif Kajian.....	23
1.5 Persoalan Kajian .....	23
1.6 Kerangka Teoritikal dan Konseptual Kajian.....	23
1.6.1 Kerangka Teoritikal Kajian.....	25
1.6.2 Kerangka Konseptual Kajian .....	26
1.7 Kepentingan Kajian .....	27
1.8 Kajian Lepas .....	28
1.8.1 Kajian Tesis .....	29
1.8.2 Terbitan Bahan Bercetak.....	32
1.9 Skop dan Batasan Kajian .....	34
1.10 Definisi Operasional Kajian.....	36

1.10.1 Makanan.....	36
1.10.2 Pemakanan .....	37
1.10.3 <i>Halalan</i> .....	37
1.10.4 <i>Toyyiban</i> .....	39
1.10.5 Keluarga.....	39
1.10.6 Mithali.....	40
1.11 Kesimpulan .....	41
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR.....</b>	<b>42</b>
2.1 Pengenalan .....	42
2.2 Kepentingan Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> Daripada Perspektif Islam .....	42
2.3 Kategori Makanan Islam.....	49
2.3.1 Makanan Yang Halal .....	49
2.3.2 Makanan Yang Baik ( <i>Toyyiban</i> ).....	52
2.3.3 Makanan Haram.....	54
2.3.4 Kategori Haram.....	57
2.3.5 Makanan Yang Makruh .....	59
2.3.6 Makanan Yang <i>Syubhah</i> .....	60
2.4 Sikap Warak Dalam Pemakanan.....	62
2.5 Adab Makan dan Minum .....	64
2.6 Makanan dan Pemakanan Daripada Perspektif Sains .....	66
2.7 Nutrien dan Fungsinya Dalam Tubuh.....	70
2.8 Prinsip Perancangan Diet Keluarga .....	72
2.8.1 Kesan Kekurangan Mikronutrien (Malnutrisi) .....	74
2.9 Pengurusan dan Penyediaan Makanan.....	76
2.10 Pembangunan Ehwal dan Aktiviti Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> di Malaysia ..	79
2.10.1 Dasar Pemakanan Negara (DPN).....	79
2.10.2 Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan (PTPK) Atau ( <i>National Plan of Action for Nutrition of Malaysia (NPANM)</i> ) III 2016-2025 .....	80

2.10.3	Peranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan JAKIM Dalam Pembangunan Aktiviti Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> .....	82
2.10.4	Peranan JAKIM Dalam Ehwal Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> di Malaysia .....	85
2.11	Kaitan Pendapatan dan Pemakanan Halal.....	86
2.12	Pekerjaan dalam Perspektif Islam .....	87
2.13	Konsep Pekerjaan dan Pendapatan Dalam Islam .....	90
2.14	Pekerjaan Halal dan Haram Dalam Islam .....	92
2.15	Integriti, Nilai dan Etika Bekerja dari Sudut Epistemologi Islam .....	94
2.15.1	Integriti dan Nilai .....	95
2.16	Kedudukan dan Larangan Islam Dalam Sektor Perniagaan.....	97
2.17	Kesimpulan .....	99
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN .....</b>		<b>100</b>
3.1	Pengenalan .....	100
3.2	Reka Bentuk Kajian .....	101
3.3	Metod Kualitatif.....	101
3.3.1	Rasional Kajian Kualitatif.....	102
3.4	Metod Teori Beralas ( <i>Grounded Theory</i> (GT)) .....	103
3.5	Limitasi Kajian.....	109
3.5.1	Anugerah Keluarga Mithali (AKM) .....	110
3.5.2	Persampelan Bertujuan ( <i>Purposive Sampling</i> ) .....	111
3.6	Metod Pengumpulan Data.....	113
3.6.1	Kajian Kepustakaan .....	113
3.6.2	Temu Bual.....	115
3.7	Kaedah Analisis Data.....	118
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan .....	120
3.9	Pengesahan Responden Terhadap Data Temu bual .....	121
3.10	Jadual Perkembangan Kutipan dan Analisis Data Temu Bual .....	123

3.11	Kesimpulan .....	124
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN .....</b>		<b>125</b>
4.1	Pengenalan .....	125
4.2	Hasil Kajian Kepustakaan.....	126
4.2.1	Konsep Pendapatan Halal (KPH).....	126
4.2.2	Konsep Pemakanan Islam (KPI) dan Konsep Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> (KPHT).....	128
4.3	Dapatan Kajian Temu Bual.....	131
4.4	Huraian Dapatan Kajian.....	134
4.4.1	Prinsip Halal.....	134
4.4.2	Prinsip Selamat .....	137
4.4.3	Prinsip Bersih.....	139
4.4.4	Prinsip Memenuhi Fitrah Jiwa Sejahtera .....	141
4.4.5	Prinsip Tiada <i>Syubhah</i> .....	143
4.4.6	Prinsip Berkhasiat .....	145
4.5	Perbincangan.....	148
4.5.1	Perbincangan Konsep Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> Keluarga Mithali (KPHTKM).....	149
4.6	Kesimpulan .....	165
<b>BAB 5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN .....</b>		<b>166</b>
5.1	Pengenalan .....	166
5.2	Rumusan .....	166
5.2.1	Rumusan Konsep Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> Keluarga Mithali (KPHTKM).....	167
5.2.2	Rumusan Konsep Pendapatan Halal Keluarga Mithali (KPNHKM).....	172
5.3	Implikasi dan Cadangan Kajian Lanjutan.....	175
5.3.1	Penghasilan Model Daripada Pola Dapatan Kajian .....	175
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan.....	177

5.4.1	Kajian Melibatkan Lebih Ramai Responden Serta Metod Penyelidikan Yang Berlainan .....	177
5.4.2	Kajian Hubungan KPHTKM Dengan Responden Dalam Kalangan Ahli Keluarga Penerima AKM .....	178
5.4.3	Kajian Konsep Pemakanan Individu Cemerlang dan Pelajar-Pelajar Cemerlang .....	179
5.5	Kesimpulan .....	180
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>		<b>181</b>

**LAMPIRAN**



## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Jadual Keperluan Nutrisi dan Kesan Malnutrisi ..... 14
Jadual 2.1	Fungsi Asas Nutrien Dalam Tubuh ..... 71
Jadual 3.1	Jadual Perkembangan Kutipan dan Analisis Data Temu Bual Kajian .... 123
Jadual 4.1	Tema Utama dan Bilangan Sub Tema Prinsip Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> Penerima AKM..... 133
Jadual 4.2	Perincian Tema Prinsip Halal ..... 134
Jadual 4.3	Perincian Tema Prinsip Selamat ..... 137
Jadual 4.4	Perincian Tema Prinsip Bersih ..... 139
Jadual 4.5	Perincian Tema Prinsip Memenuhi Fitrah Jiwa Sejahtera..... 141
Jadual 4.6	Perincian Tema Tiada <i>Syubhah</i> ..... 143
Jadual 4.7	Perincian Tema Prinsip Berkhasiat..... 146

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Kerangka Teoritikal Kajian..... 25
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual Kajian..... 26
Rajah 4.1	Kerangka Konseptual Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> ..... 131
Rajah 5.1	Model Konsep Umum Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> (KUPHT) ..... 149
Rajah 5.3	Model Konsep Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i> Keluarga Mithali (KPHTKM) ..... 162
Rajah 5.4	Model Konsep Pendapatan Halal Keluarga Mithali (KPNHKM) ..... 163
Rajah 5.5	Nod Paparan Bersilang KPHTKM ..... 164
Rajah 5.2	Kerangka Konseptual Pendapatan Halal Keluarga Mithali ..... 174

## SENARAI SINGKATAN

AS	<i>‘Alaihi al-Salām</i>
AKM	Anugerah Keluarga Mithali
BeSS	Bersih, Selamat dan Sihat
BKKM	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
BP	Bahagian Pemakanan
BKP	Bahagian Kawalan Penyakit
CP	Cawangan Pemakanan
CPK	Cawangan Pemakanan Keluarga
DKN	Dasar Keluarga Negara
DPN	Dasar Pemakanan Negara
DPKM	Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia
DPNI	Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam
<i>et. al.</i>	<i>Et Alia</i> (dan Lain-Lain)
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
GT	<i>Grounded Theory</i>
IDD	<i>Iodin Deficiency Disorders</i>
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
GMP	<i>Good Manufacturing Practice</i>
HACCP	<i>Hazard Analysis and Critical Control Points</i>
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPI	Konsep Pemakanan Islam
KPH	Konsep Pendapatan Halal
KPHT	Konsep Pemakanan <i>Halalan Toyyiban</i>
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MeSTI	Makanan Selamat Tanggungjawab Industri
MIROS	<i>Malaysian Institute of Road Safety Research</i>

MTUKM	Majlis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir
NPANM	<i>National Plan of Action for Nutrition of Malaysia</i>
NUD.IST	<i>Non numerical Unstructured Data Indexing Searching and Theorizing</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PDM	Panduan Diet Malaysia
PMM	Piramid Makanan Malaysia
RA	<i>Radia Allah 'Anh</i>
RAH	<i>Raḥimahullah</i>
SAW	<i>Salla Allah 'Alaih Wa Sallam</i>
SEANUTS	<i>Nutrition Survey of Malaysian Children</i>
SWT	<i>Subḥanahu Wa Ta'ala</i>
TB	Teori Beralas
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UN	<i>United Nation</i>
UNICEF	<i>United Nations Children's Fund</i>
YADIM	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN A	Surat Permohonan Data Pemenang Anugerah Keluarga Mithali YADIM
LAMPIRAN B	Borang Keizinan Responden
LAMPIRAN C	Dokumen Kertas Penajaan Majlis Anugerah Keluarga Mithali 2017
LAMPIRAN D	Soalan Temu Bual Responden

# **PEMAKANAN *HALALAN TOYYIBAN* DALAM PEMBANGUNAN KELUARGA**

**MITHALI**

## **ABSTRAK**

Pemakanan bertemakan *halalan toyyiban* daripada beberapa ayat al-Quran merupakan indikator penting dalam proses pembangunan keluarga yang cemerlang aspek duniawi dan ukhrawi. Namun, cabaran mengimplementasikan pemakanan *halalan toyyiban* dalam kehidupan seharian semakin meruncing disebabkan isu amalan pemakanan yang tidak betul. Di samping itu, ancaman keselamatan sosial dan kesihatan kerana pengambilan makanan yang haram serta isu kebolehdapatan makanan daripada sumber yang halal juga menjadi asas kepada penerokaan kajian ini. Justeru, kajian ini menumpukan kepada pembinaan garis panduan Konsep Pemakanan *Halalan Toyyiban* Keluarga Mithali (KPHTKM). Bagi merealisasikan matlamat ini, kajian ini telah menerokai konsep pemakanan *halalan toyyiban* dan pendapatan halal daripada perspektif Islam dan amalan penerima Anugerah Keluarga Mithali (AKM). Kajian kualitatif ini mengadaptasi metod *Grounded Theory* (GT) sebagai asas reka bentuk kajian. Dalam pada itu, kajian ini turut melalui kajian kepustakaan bagi memahami teori berkenaan Konsep Pemakanan Islam (KPI), Konsep Pemakanan *Halalan Toyyiban* (KPHT), dan Konsep Pendapatan Halal (KPH) daripada persepektif Islam. Kaedah temu bual secara *Focus Group Discussion* (FGD) kepada penerima AKM peringkat kebangsaan digunakan untuk mendapatkan data utama kemudian dianalisis menggunakan perisian *Non Numerical Unstructured Data Indexing Searching and Theorizing* (NUD.IST) atau QSR NVivo versi 10. Hasil analisis berjaya membangunkan

sejumlah enam tema utama berorientasikan prinsip iaitu prinsip halal, prinsip selamat, prinsip bersih, prinsip memenuhi fitrah jiwa sejahtera, prinsip tiada *syubhah*, dan terakhir prinsip berkhasiat. Rentetan daripada itu, sebanyak 16 sub tema lagi berjaya dikategorikan dan disusun di bawah tema utama mengikut perkaitan masing-masing. Pola-pola dapatan kajian ini berhasil membentuk tiga model garis panduan iaitu Konsep Umum Pemakanan *Halalan Toyyiban* (KUPHT), Konsep Pemakanan *Halalan Toyyiban* Keluarga Mithali (KPHTKM) yang mewakili dapatan utama kajian, dan Konsep Pendapatan Halal Keluarga Mithali (KPNHKM). Model-model garis panduan ini boleh dijadikan rujukan asas kepada kajian-kajian lanjutan pada masa akan datang.

# HALALAN TOYYIBAN NUTRITION IN THE DEVELOPMENT OF EXEMPLARY FAMILY

## ABSTRACT

Based on several verses in the Quran, *halalan toyyiban*-themed nutrition is an important indicator in the process of building an outstanding family from both worldly aspect and the afterlife. However, the challenges in implementing the *halalan toyyiban* dietary in daily life is getting more urgent due to the issue of improper eating habit. Additionally, the threat of social security and health caused by the consummation of forbidden food and the issue of availability of food from lawful sources have also become the basis of this study. Hence, this study focuses on building guideline of *Halalan Toyyiban* Nutrition Concept for Exemplary Family (KPHTKM). Towards realisation of these objectives, the research explores the concept of *halalan toyyiban* nutrition and lawful income from Islamic perspective as well as the practices of the recipients of Exemplary Family Awards (AKM). For study design, this qualitative research has adapted Grounded Theory (GT) methodology. On the other hand, the study has also benefited from library research in reaching an understanding about the theory of Islamic Nutrition Concept (KPI), *Halalan Toyyiban* Nutrition Concept (KPHT), and Lawful Income Concept (KPH) from Islamic perspective. Interview method utilizing *Focus Group Discussion* (FGD) technique involving the national recipients of AKM were employed to obtain primary data that was later analyzed with software called *Non-Numerical Unstructured Data Indexing Searching and Theorizing* (NUD.IST) or QSR NVivo version 10. The outcome of the analysis successfully developed a total of six



main themes that are principle oriented. They are known as lawful principle, safe principle, hygienic principle, the principle of fulfilling the nature of blissful soul, doubt-free (free from *syubhah*) principle, and lastly nutritious principle. Consequently, there are further 16 sub-themes that were successfully categorized and organized under the main themes according to their respective relations. Pattern of the findings formed three guideline models called the General Concept of *Halalan Toyyan* Nutrition (KUPHT), Concept of *Halalan Toyyan* Nutrition of Exemplary Family (KPHTKM) which represents the main research finding, and Concept of Lawful Income of Exemplary Family (KPNHKM). These guideline models can be utilized as basic references for future follow-up researches.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pemakanan halal merupakan satu perintah yang mutlak dalam Islam. Sementelahan, indikator bertemakan *halalan toyyiban* daripada al-Quran mewajarkan umatnya agar mengamalkan pemakanan yang betul, bernutrisi, berjadual, sihat, serta memberi kebaikan kepada tubuh badan dan akal (Hamka, jilid 1, 2015: 329 dan Khairudin, 2013: 59). Dalam pada itu, epistemologi Islam memandang bahawa pendapatan yang halal juga memberikan kesan secara langsung dalam ehwal pemakanan halal. Justeru, mengusahakan pendapatan yang halal adalah satu kewajipan selain dianggap sebagai amal soleh lagi terpuji (al-Ghazali, 1998: 9-10 dan al-Kandahlawi, 1994: 1). Dalam membangunkan sebuah keluarga yang berkualiti, ibu bapa amat berperanan dalam menjaga disiplin pemakanan ahli keluarga (Syed Mahadzir, 2004: 7-8). Oleh itu, kajian ini dibuat untuk meneliti konsep pemakanan *halalan toyyiban* penerima Anugerah Keluarga Mithali (AKM) peringkat kebangsaan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Islam menuntut penganutnya agar sentiasa mencari rezeki yang halal dan memakan makanan yang halal lagi baik dalam memenuhi keperluan penghidupan. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT berikut:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ

مُؤْمِنُونَ

Maksudnya: Dan makanlah daripada rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang kalian beriman (kepada-Nya).

(Surah *al-Maidah*, 5: 88)

Al-Maraghi ketika menafsirkan ayat di atas menyatakan bahawa:

“Makanlah rezeki yang diperolehi secara halal dan bukanlah barangan seperti riba’, *suht* (yang di usahakan secara haram), dan barangan curi. Di samping itu, rezeki itu hendaklah sedap dimakan, tidak kotor, sama ada kerana zatnya sendiri, kerana rosak atau berubah akibat terlalu lama disimpan (al-Maraghi, 2001, jilid 4: 1673)<sup>1</sup>.”

Allah SWT menjelaskan lagi dalam ayat-Nya:

---

<sup>1</sup> Rujuk juga Muhammad Mushfique, (2018) di laman maya: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2203-al-kafi-681-hukum-pendapatan-yang-dijana-daripada-syarikat-yang-tidak-berstatus-sijil-halal>.

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ

الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya: Wahai sekalian manusia, makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang lagi nyata bagi kamu.

(Surah *al-Baqarah*, 2: 168)

Imam Ibnu Kathir (2015, jilid 2: 51) menjelaskan di dalam tafsirnya, maksud halal lagi baik dalam ayat tersebut adalah makanan yang dapat memberi kesan baik kepada diri dan tidak berbahaya kepada akal dan badan.

Setiap makanan dan minuman yang diambil bakal memberi kesan kepada proses tumbesaran, pembentukan peribadi, tingkah laku, dan juga pembentukan minda. Oleh sebab itu, Allah SWT menyebut perkataan طَيِّبًا dengan kekerapan sebanyak empat kali yang mana memfokuskan kepada makanan dan minuman bertemakan *halalan toyyiban* (Khairudin, 2013: 58). Antaranya, Allah SWT berfirman:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ كُنْتُمْ إِيَّاهُ

تَعْبُدُونَ ﴿١٦٩﴾

Maksudnya: Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu daripada benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata.

(Surah *al-Nahl*, 16: 114)

Di sebalik perbincangan tema pemakanan *halalan toyyiban*, soal pendapatan bersumberkan yang halal juga amat ditekankan dalam syariat Islam. Kesedaran keagamaan yang tinggi dalam menggembelng usaha mencari pendapatan halal perlu ada kepada ibu bapa dalam proses membentuk karakter keluarga yang cemerlang aspek duniawi dan ukhrawi. Sebagai pedoman, dalam Surah *al-Nahl* ayat 114, Imam Ibnu Kathir menjelaskan bahawa Allah SWT telah mengkhabarkan beberapa jenis makanan yang diharamkan kerana di dalamnya ada mudarat yang berkait rapat dengan agama dan perkara keduniaan (Ibnu Kathir, 2015, jilid 6: 166-167). Justeru itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan pemakanan yang diambil ahli keluarga terjamin kehalalannya.

Sementara itu, syariat telah memberi panduan yang benar agar manusia berusaha sesuai dengan bidang dan kemampuannya dalam meraih nikmat Allah SWT yang Maha Luas. Allah SWT berfirman:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَأَمْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ ۗ وَإِلَيْهِ

النُّشُورُ ﴿١٥﴾

Maksudnya: Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu dan Dia memudahkan bagimu (untuk mengaksesnya), maka berjalanlah di merata-rata ceruk

rantaunya, serta makanlah daripada rezeki yang dikurniakan Allah, dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan (yakni hidup semula, maka hargailah nikmat-Nya dan takutilah kemurkaan-Nya).

(Surah *al-Mulk*, 67: 15)

Tuntasnya, Islam memandang jelik kepada umatnya yang meminta-meminta tanpa berusaha. Hal ini berdasarkan sikap Nabi SAW yang melarang umatnya meminta-minta kepada orang lain, menampilkan diri secara jelik untuk membuat tipu helah dan mencalarkan maruahnya agar orang lain bersimpati. Oleh sebab itu, Nabi SAW mengisyaratkan bahawa seorang mukmin yang bekerja untuk mendapatkan sara hidupnya dengan apa pekerjaan sekalipun adalah satu kemuliaan yang besar (al-Qaradhawi, 2016 (b): 164).

### **1.2.1 Isu Kesan Pemakanan Kepada Kehidupan Muslim**

Pemakanan yang halal amat memberi kesan kepada kehidupan seorang muslim berdasarkan dalil-dalil dari hadis Nabi SAW dan falsafah Islam. Baik daripada aspek keperibadian, kemakbulan doa, kecenderungan berfikir, kesedaran beragama, empati diri, kesejahteraan dari neraka, penerimaan amal ibadat, pembentukan darah daging yang baik, dan memberikan kepintaran akal (Amina, 2009: 113-115). Faktor-faktor ini adalah satu penanda aras kejayaan seseorang dalam kehidupan dan bukan hanya dilihat dari ketinggian taraf akademik, kekayaan, pangkat dan aspek duniawi semata-mata. Hal ini bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang menyatakan:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ

فَقَالَ ( يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ) وَقَالَ

( يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ) . ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ

أَشْعَثَ أَعْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ

حَرَامٌ وَغَدِيَّ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ

Maksudnya: Wahai umat manusia, sesungguhnya Allah itu baik dan (Dia) tidak menerima melainkan yang baik, dan Allah SWT telah memerintahkan para mukmin dengan apa yang telah diperintahkan kepada para rasul. Kemudian baginda Nabi SAW membaca ayat: (Wahai para rasul, makanlah daripada rezeki yang baik dan beramallah dengan amalan yang soleh, sesungguhnya aku mengetahui apa yang kamu kerjakan [surah al-Mu'minun, 23: 51]). Dan baginda SAW membaca lagi: (Wahai orang-orang yang beriman, makanlah daripada yang baik apa yang telah Kami rezekikan kepadamu) [surah al-Baqarah, 2: 172]). Kemudian baginda SAW menyebut tentang seorang lelaki yang melalui permusafiran yang panjang sehingga menyebabkan rambutnya menjadi kusut dan berdebu, dia mengangkat tangan berdoa “wahai tuhan,” “wahai tuhan,” sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan dia diberi makan dengan yang haram, maka bagaimanakah doanya akan dimustajabkan dalam keadaan demikian?. (Riwayat Muslim, 2014: 1029, jilid 3, kitab *al-zakah, bab ma qabul al-sodaqoh illa al-kasabi al-toyyib* dan Riwayat Muslim, 1998: 2393. Juga diriwayatkan oleh al-Tirmizi, al-Darimi, dan Ahmad Ibnu Hanbal)

Hadis ini menjelaskan bahawa perkara paling utama yang perlu dinilai dalam pemakanan adalah aspek berkaitan hubungan manusia dengan Tuhannya. Oleh itu, Ibn Kathir (2015, jilid 7: 249-250) ketika mensyarahkan ayat daripada surah *al-Mu'minun* (23: 51) dalam hadis di atas menyatakan, kekuatan untuk melakukan amalan soleh

adalah tercetus daripada penjagaan pemakanan halal lagi baik. Oleh kerana itu, para rasul AS berpegang teguh kepada perintah ini, maka natijahnya Allah SWT menghimpunkan segala kebaikan kepada mereka sama ada dalam percakapan dan perbuatan (Mohammad Amir, 2015: 12-13).

Syarak menetapkan model tertentu melalui tatacara yang diajarkan Rasulullah SAW dan interpretasi kemampuan manusia untuk menyelidik manfaat setiap kejadian alam khususnya berkaitan sumber makanan dan konsep pemakanan. Justeru, di sinilah tersembunyi rahsia kekuatan makna halal yang dapat memenuhi fitrah manusia. Naluri murni manusia sangat cenderung kepada kesucian, kebersihan, keselamatan, kualiti dan kesan positif terhadap pembentukan insan. Malahan, fitrah manusia juga menghendaki supaya menutup segala ruang yang boleh mendatangkan penyakit dan menepati konsep pengawalan lebih baik dari mengubati (*prevention is better than cure*) (Harussani, 2006: 46).

Dalam pada itu, akhlak memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia. Ini kerana, nilai seseorang manusia itu hakikatnya terletak pada akhlak dirinya. Semakin tinggi akhlak diri seseorang itu, maka semakin tinggi pula nilai kemanusiaan yang dimilikinya. Kajian oleh Aemy Liza (2014: 7) dari UTM telah menemukan perkaitan makanan halal dengan akhlak individu. Justeru, Islam dengan syariatnya yang lengkap amat menitik beratkan umatnya agar berusaha dan memakan hanya makanan yang halal dan baik<sup>2</sup>.

---

<sup>2</sup> Al-Ghazali juga telah menegaskan bahawa faktor utama kewujudan sifat tercela (*mazmumah*) dan perbuatan maksiat dalam kalangan manusia adalah kerana nafsu syahwat dan tenaga. Manakala, sumber penjaanan nafsu dan tenaga tersebut adalah makanan. Sebelum sifat-sifat *mazmumah* seperti tamak, marah, hasad, takbur dan lain-lain timbul, maka sifat yang mula-mula muncul ialah sifat '*hub al-ta'am*'



### 1.2.2 Isu Kesan Pendapatan Kepada Konotasi Pemakanan *Halalan Toyyiban*

Memetik kata-kata mantan timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri, Asyraf Wajdi Dusuki,

“Masyarakat Islam lebih sensitif soal makanan halal tetapi tidak begitu mengambil berat sumber pendapatan yang halal. Keprihatinan tentang label halal dan makanan halal sangat diutamakan. Tetapi kebimbangan sama tidak diletakkan pada punca datangnya duit untuk membeli makanan halal. Wang yang mereka dapat untuk membeli makanan, sama ada ia datang dari hasil riba, penyelewengan, rasuah, mereka tidak peduli. Inilah realiti dalam masyarakat kita hari ini” (Zurairi, 2017)<sup>3</sup>.

Daripada kenyataan di atas, ternyatalah bahawa sumber pendapatan memberikan kesan langsung kepada aspek pemakanan individu serta keluarga muslim. Justeru itu, pendapatan tanpa unsur yang haram dan *syubhah* dapat menjamin rezeki yang dimanfaatkan ahli keluarga beroleh berkat dan mendatangkan kebaikan. Malahan, usaha memperoleh pendapatan halal merupakan satu wasilah untuk memiliki harta dan wang yang halal<sup>4</sup>. Oleh itu, hukum bekerja untuk memperoleh rezeki halal bagi memastikan kehalalan pemakanan merupakan satu kewajipan. Hal ini berdasarkan panduan daripada kaedah fiqh yang menyatakan (al-Ghazali, 1998: 3):

الأَمْرُ بِالشَّيْءِ يَشْمَلُ مَا يُتِمُّ بِهِ ذَلِكَ الشَّيْءِ

---

(cinta kepada makanan). Nafsu makan yang berlebihan meningkatkan lagi keinginan seks dan daripada kedua-duanya timbullah pelbagai sifat *mazmumah* dalam diri manusia. Justeru, faedah terbesar Islam mewajarkan umatnya menjaga pemakanan adalah supaya dapat menghancurkan seluruh nafsu syahwat kepada maksiat dan menguasai nafsu yang menyuruh berbuat kejahatan (al-Ghazali, 1992, jilid 2: 1116).

<sup>3</sup> Rujuk Zurairi. (2017). *Muslim Lebih sensitif Makanan Halal Berbanding Pendapatan Halal*. Diakses di: <https://www.projekmm.com/news/berita/2017/04/19/muslim-lebih-sensitif-makanan-halal-berbanding-pendapatan-halal/1359575>. Dipetik pada 3 Disember 2019.

<sup>4</sup> Usaha yang paling baik adalah berniaga. Demikian pendapat Imam al-Syafie. Sesetengah ulama berkata, pertanian adalah sebaik-baik pekerjaan. Sebahagian ulama lain pula mengatakan, bertukang sebagai sebaik-baik pendapatan atau usaha (Muhammad Hasbi, 1978:251).

Maksudnya: Suruhan dengan sesuatu perkara (hukumnya) akan mencakupi setiap apa yang dapat menyempurnakan perkara tersebut<sup>5</sup>.

Dalam satu hadis Nabi SAW, baginda menyebutkan:

مَنْ جَمَعَ مَالًا حَرَامًا ثُمَّ تَصَدَّقَ بِهِ لَمْ يَكُنْ لَهُ فِيهِ أَجْرٌ وَكَانَ إِصْرُهُ عَلَيْهِ

Maksudnya: Barangsiapa yang mengumpul harta daripada barang yang haram, kemudian dia sedekahkan, tidak ada ganjaran untuknya atas sedekah itu dan dosanya (daripada pekerjaannya itu) adalah menjadi tanggungjawabnya. (Diriwayatkan dalam *al-Mustadrak 'Ala Sohihain*, 2014: 1458, *bab al-zakah*, jilid 2. Hadis sahih. Lihat juga dalam *Sunan Kubra* al-Baihaqi dan sahih Ibnu Hibban)

Justeru, Islam memerintahkan agar umatnya keluar bekerja dan mengusahakan pekerjaan halal sebagai sumber pendapatan. Nabi SAW bersabda dalam hadis yang lain:

مَا كَسَبَ الرَّجُلُ كَسْبًا أَطْيَبَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ وَمَا أَنْفَقَ الرَّجُلُ عَلَى نَفْسِهِ وَأَهْلِهِ وَوَلَدِهِ  
وَخَادِمِهِ فَهُوَ صَدَقَةٌ

Maksudnya: Tidak pernah seseorang itu berusaha dengan sesuatu pekerjaan yang lebih baik daripada berusaha dengan tangannya sendiri. Apa-apa yang dibelanjakan oleh seseorang itu untuk dirinya, isterinya, anaknya, pembantunya maka itu adalah sedekah. (Riwayat Ibnu Majah, 2014: 2137, jilid 2, dalam *kitab al-tijarat*, subbab *al-hassu 'ala al-kasabi*. Disahihkan oleh al-Albani)

---

<sup>5</sup> Rujuk juga kaedah fiqh *مَا لَا يَتِمُّ الْوَجِبُ إِلَّا بِهِ؛ فَهُوَ وَاجِبٌ* maksudnya, sesuatu yang wajib tidak sempurna kecuali dengannya, ia menjadi wajib (Ab. Latif dan Rosmawati, 2000: 414).

Tambahan dan rumusannya lagi, Rasulullah SAW mengisyaratkan bahawa bekerja untuk menyara keluarga dengan pendapatan halal adalah satu usaha yang diiktiraf agama dan merupakan satu perintah syarak. Dikhabarkan pada suatu hari ketika Rasulullah SAW sedang duduk bersama para sahabat. Tiba-tiba kelihatan seorang pemuda yang masih kuat tubuh badannya sedang bekerja dengan penuh semangat. Para sahabat berkata, “Kasihani sekali orang itu, sekiranya kemudaan dan kekuatannya digunakan untuk jalan Allah, alangkah baiknya”. Mendengar kata-kata sahabat itu, Nabi SAW bersabda (al-Qasimi, 2006: 384)<sup>6</sup>:

إِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى وَلَدِهِ صَغَارًا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى

أَبَوَيْنِ شَيْخَيْنِ كَبِيرَيْنِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَ يَسْعَى عَلَى نَفْسِهِ يُعْنِفُهَا فَهُوَ فِي

سَبِيلِ اللَّهِ، وَإِنْ كَانَ خَرَجَ رِيَاءً وَمُفَاخَرَةً فَهُوَ فِي سَبِيلِ الشَّيْطَانِ.

Maksudnya: Jika seseorang keluar bekerja (mencari sara hidup) untuk anak yang masih kecil, maka dia telah berusaha ke jalan Allah, jika dia keluar bekerja untuk dua ibu bapanya yang sudah tua, maka dia telah berusaha ke jalan Allah, dan jika dia keluar bekerja untuk nafkah dirinya sendiri supaya dia tidak meminta-minta, maka itu pun berjuang di jalan Allah. Tetapi apabila dia bekerja kerana untuk (menunjuk-nunjuk apa-apa yang dimiliki) untuk bermegah-megah, maka dia berjuang di jalan syaitan. (Riwayat al-Tabrani dalam *al-Mu'jam al-Kabir li al-Tabrani*, bab *al-kaf*: (t.t), 2669: 31. Diriwayatkan juga dalam *soheh al-Jami'*. Disahihkan oleh al-Albani)

Justeru itu, pembangunan institusi keluarga perlu diperkemas dengan mengambil kira dari pelbagai aspek kehidupan termasuklah aspek pemakanan dan

<sup>6</sup> Hadis daripada sahabat Ka'ab bin 'Ajzah, seperti yang dikemukakan dalam kitab '*Ihya al-'Ulumuddin*' oleh al-Ghazali dalam tajuk adab-adab pekerjaan dan sara hidup.

pendapatan yang menepati tema *halalan toyyiban*. Ini kerana, aspek ini dianggap penting dalam tradisi ilmu Islam sejak dahulu lagi (Mohamed Sharif dan Roslee Ahmad, 2002: 66). Oleh kerana itu, mengusahakan pendapatan dan pemakanan yang halal untuk keluarga menjadi satu kewajipan kepada setiap ibu bapa dan penjaga keluarga muslim agar ahli keluarga mendapat kebaikan dan keberkatan baik dari sudut fizikal, mental, rohani dan spiritual (Amina, 2009: 113-115).

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Halal bukan sahaja pada makanan tetapi juga ia melibatkan pakaian, budaya adat, kepercayaan muamalat sama ada hubungan sesama Islam atau bukan Islam, hiburan, kekeluargaan, perkahwinan, dan pekerjaan. Malahan, Islam melalui syariatnya yang lengkap mewajarkan umatnya memilih dan mengusahakan unsur yang lebih baik dari tingkatan halal, iaitu menepati konsep طيباً dalam seluruh aspek kehidupan (Sinar Harian, 2019 dan IKIM, 2009). Intihannya, masalah syarak untuk menjaga lima aspek penting dalam kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akan, harta dan keturunan akan tercapai (al-Raisuni, 2010: 13-14 dan Saebani, 2008: 245). Oleh sebab itu, kajian ini berasaskan kepada permasalahan-permasalahan berikut:

- 1) Kebobrokan Amalan Pemakanan Serta Kesannya Kepada Kesihatan dan Intelektual
- Masalah berkaitan corak dan budaya pemakanan yang tidak sihat masih menjadi isu dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Malahan, penuntut-penuntut universiti juga turut mengalami permasalahan yang sama (Mohd Azlan dan Noraziah, 2011: 66). Hal

ini disebabkan, perkembangan dalam pembangunan sosioekonomi sejak dua dekad lalu telah membawa perubahan dalam tabiat pemakanan, pembelian makanan, corak penggunaan dan gaya hidup. Dalam tempoh masa yang sama juga terdapat peningkatan kepada pesakit yang menghidapi diabetes, penyakit jantung, tekanan darah tinggi dan kanser (Ismail, 2002: 191-195, Nor Haidanadia Hasni *et. al*, 2016: 145).

Selain berhadapan masalah makan berlebihan di Malaysia, masalah kekurangan pemakanan mengakibatkan perkembangan kognitif dan pencapaian akademik yang lemah dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini juga menyebabkan tahap keupayaan bekerja dan produktiviti yang rendah di kalangan orang dewasa. Masalah penyakit kronik yang berkaitan pemakanan seperti obesiti, kardiovaskular, buah pinggang, diabetes dan darah tinggi menjadi masalah kesihatan utama kepada rakyat Malaysia. Pemakanan yang tidak sihat, gizi yang tidak seimbang serta masa makan yang tidak teratur merupakan punca utama kepada pembentukan pola penyakit dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini menyebabkan mordibiti, kematian dan kos penjagaan kesihatan negara semakin meningkat. Semua ini akhirnya akan menjejaskan kemajuan sosioekonomi negara (KKM, 2005: 5).

Masalah kekurangan nutrisi dan akses kepada makanan masih berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia. Buktinya, berdasarkan dapatan kajian dalam *Journal of Social Sciences and Humanities* bertajuk ‘Ancaman Sekuriti Makanan Terhadap Komuniti Lanoh: Kajian Kes Di Kampung Air Bah, Lenggong, Perak’ menyebutkan (Nor Haidanadia Hasni *et. al*, 2016: 1-2):

“Hasil analisis menunjukkan bahawa realitinya komuniti Lanoh sedang berhadapan dengan ancaman sekuriti makanan yang boleh memberi kesan

kepada kesihatan mereka. Selain itu, faktor kebolehcapaian makanan yang terhad seperti pendapatan yang rendah, ketiadaan pemilikan kenderaan, tiada kemudahan pengangkutan awam disediakan dan keadaan jalan yang kurang memuaskan telah menghadkan keupayaan mereka untuk mendapatkan makanan. Dari aspek pemakanan menunjukkan komuniti ini mengamalkan diet pemakanan yang kurang sihat dan seimbang iaitu kurang pengambilan makanan berunsurkan protein dan produk tenusu yang baik untuk pertumbuhan dan kesihatan. Akhirnya, pembalakan menyebabkan berlakunya kemusnahan kepada sumber hutan dan memberi ancaman kepada kestabilan bekalan makanan penduduk pada masa hadapan. Oleh itu, faktor kurangnya ketersediaan dan kebolehcapaian kepada makanan yang sihat dan mencukupi, amalan diet pemakanan yang tidak seimbang dan berlakunya ketidakstabilan bekalan makanan merupakan faktor ancaman berlakunya sekuriti makanan kepada komuniti Lanoh yang boleh memberi kesan kepada kesihatan mereka.”

Dalam pada itu, masalah malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak merupakan kebejatan yang turut berlaku di Malaysia. Kejadian malnutrisi menyebabkan kemerosotan sistem tubuh badan bagi melawan penyakit di samping menyebabkan keupayaan tubuh badan dan otak manusia terjejas. Sebagai contoh, kajian *Nutrition Survey of Malaysian Children* (SEANUTS) dalam *British Journal of Nutrition* mendapati bahawa, satu daripada tiga keluarga di Malaysia kekurangan nutrisi penting terutamanya vitamin C, zat besi dan kalsium (Bee Koon Poh *et. al*, 2013: 21-22). Dalam hal yang sama, kejadian *Iodin Deficiency Disorders* (IDD) yang pernah dicatatkan di Semenanjung Malaysia adalah sejumlah 2.2%. Manakala di Sabah jumlahnya sebanyak 18% dan Sarawak sebanyak 7.3%. Gejala ini mengakibatkan penyakit goiter kepada kanak-kanak sekolah (Syed Mahadzir, 2004: 137).

Kekurangan nutrisi dalam pemakanan menyebabkan pelbagai isu kepada kesihatan terutama kepada perkembangan otak. Hal ini kerana, otak memerlukan enam jenis nutrisi dan kekurangan salah satu daripadanya boleh memberi kesan kepada

keupayaan otak manusia. Jadual di bawah menunjukkan keperluan nutrien serta kesan malnutrisi kepada otak kanak-kanak (Michael, 2007: 615-616):

**Jadual 1.1:** Jadual Keperluan Nutrisi dan Kesan Malnutrisi

Bil	Jenis Nutrisi	Kesan Malnutrisi
1	<i>Protein-energy</i> (Tenaga Protien)	Menyebabkan kekurangan neuron otak dan kebejatan kepada asid deoksiribonukleik (DNA). Hal ini menyebabkan otak bayi mengecil dan meyebabkan pertumbuhan terbantut. Malah, fungsi penghantar impuls atau isyarat kepada otak turut terjejas dan akhirnya keupayaan kognitif juga turut terkesan sehingga mengganggu sistem keupayaan pengecaman pertuturan dan pendengaran.
2	Zat Besi	Ibu yang kekurangan zat besi mempunyai kebarangkalian yang besar untuk melahirkan bayi pramatang. Bayi juga akan mengalami gangguan saraf dan kebolehan mengingat pertuturan serta pengecaman semasa lahir terganggu.
3	Zink	Kekurangan zink boleh menyebabkan bayi dan jantungnya semasa dalam kandungan menjadi

		tidak aktif. Zink berfungsi untuk melawan penyakit. Justeru, bayi yang kekurangan zink akan cepat terkena penyakit terutama berkaitan jangkitan. Kekurangan zink kepada ibu mengandung pula menyebabkan kesan buruk kepada tingkah laku.
4	<i>Copper</i> (Tembaga)	Zat tembaga penting untuk metabolisme otak. Kekurangan zat tembaga menyebabkan gangguan kepada fungsi motor, keseimbangan dan koordinasi tubuh badan dalam jangka masa panjang.
5	<i>Fatty Acids</i> (Asid lemak)	Lemak ini mengandungi Asid dokoheksanoik (DHA) yang bertindak sebagai agen yang kuat untuk mempengaruhi struktur membran dalam otak. Ia memberi manfaat terutamanya kepada sistem otak, mata dan saraf. Kekurangan zat ini menyebabkan bayi mengalami kesukaran pembelajaran dan mempunyai masalah mata.
6	Kolin	Fungsi kolin adalah merangsang hormon tiroid. Kekurangan zat kolin akan mengganggu perkembangan otak. Malahan, kekurangan kolin juga akan menyebabkan hati tersumbat dan



		gangguan kepada fungsi otak (Ana Samiatul, 2019: 87).
--	--	-------------------------------------------------------

Sumber: Analisis pengkaji berdasarkan Michael (2007: 615-616)

Daripada jadual di atas dapat disimpulkan bahawa kekurangan zat makanan memberi kesan kepada kesejahteraan manusia terutama dalam aspek kesihatan fizikal dan intelektual berpunca daripada ketidakupayaan sistem otak. Secara faktanya, kanak-kanak yang mengalami malnutrisi lebih berisiko terbantut perkembangan psikomotor sebanyak 25% dan 8 kali lebih besar kemungkinan terjejasnya perkembangan motor kasar berbanding kanak-kanak bergizi seimbang (Fivi Melva, 2013: 82-83). Dalam masa yang sama, malnutrisi boleh menyebabkan keupayaan otak terjejas dan memberi kesan kepada daya intelektual dan berfikir (Toto Sudargo *et. al*, 2018: 54-55).

Justeru, bagi memastikan permasalahan kesihatan dan perkembangan intelektual yang perpunca daripada isu pemakanan dapat dikenalpasti, kajian ini menerokai tema pemakanan berkonsepkan *halalan toyyiban* bagi menangani isu amalan pemakanan yang tidak sihat dalam konteks kekeluargaan.

## 2) Masalah Sosial, Keluarga, Ancaman Keselamatan dan Penyakit Berkaitan Pemakanan Haram

Masalah tingkah laku dan keselamatan yang berpunca daripada pengambilan makanan yang haram memberi idea kepada pelaksanaan kajian ini. Pengambilan makanan yang haram telah dibuktikan dapat menghilangkan kewarasan akal dan sifat manusiawi. Akhirnya, masalah ini menyumbang kepada kebejatan sosial, masalah keluarga, isu

penderaan, kecederaan, mengancam keselamatan orang lain dan masalah kesihatan kronik (Johari Yap, 2019, *Sinar Harian*, Robyn Burton dan Nick Sheron, 2018: 987-988).

Kesan pengambilan arak menyebabkan masalah kepada institusi kekeluargaan. Kes-kes keganasan rumah tangga, penderaan isteri dan anak-anak, penderaan seksual, kebejatan ekonomi rumah tangga acap kali dikaitkan dengan isu sosial terutama masalah ketagihan arak. Akhirnya, kebejatan ini menjadi punca kepada berlakunya penceraian (Fadillah Ismail, 2016: 396 dan Abd. Rahim *et. al*, 2006: 168). Di Malaysia, statistik pengambilan arak telah meningkat sama ada dalam kalangan orang Islam dan bukan Islam. Dalam pada itu, negara ini menduduki tangga kesepuluh dalam kalangan penduduknya yang mengambil dan meminum minuman beralkohol yang dikenali sebagai minuman keras (Ardiah Jamali *et. al*, 2009: 83).

Dalam portal MyHealth.gov.my, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyenaraikan kesan dan masalah remaja Malaysia yang masih bersekolah mengambil arak secara berlebihan (*binge drink*). Antara masalah tersebut adalah menyebabkan kemalangan kenderaan, lemas dan terjatuh. Seterusnya, terjebak dengan aktiviti keganasan bersenjata, keganasan seksual dan rumah tangga, malah sering terjebak dalam aktiviti seksual berisiko tinggi seperti homoseksual. Dalam aspek masalah kesihatan, remaja yang ketagihan arak juga majoritinya mengalami penyakit kelamin, masalah hati (*liver cirrhosis*), mental, seksual, saraf, dan penyakit pankreas. Selain itu, di Malaysia masalah ini juga turut menyumbang kepada kerugian sosioekonomi, masalah ponteng sekolah dan mengandung sebelum berkahwin (Thiyagar Nadarajaw, 2014, KKM).

Sementara itu, isu kemalangan jalan raya akibat pengambilan minuman beralkohol dilihat bukan satu permasalahan yang baharu. Kesan pengambilan arak

menyebabkan pemandu kenderaan hilang kewarasan akal fikiran dan fokus. Faktor ini menjadi lebih serius apabila pemandu mabuk memandu dalam trafik di bandar-bandar besar yang menyebabkan kecelakaan jalan raya yang dahsyat (J. Gruenewald dan W. Johnson, 2010: 237-238).

Dalam konteks Malaysia sebagai buktinya, satu laporan kajian terbitan *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)* bertajuk '*Alcohol and Drug Use Among Fatally Injured Drivers in Urban Area of Kuala Lumpur*' dari tahun 2006 hingga 2009 mendedahkan (MIROS, 2012: 13-14):

*“A total of 710 fatal road traffic deaths were registered at the Department of Forensic Medicine, HKL during the study period of 2006 to 2009. Out of these numbers, 40 cases were excluded for analysis as the post-mortem report details had not been finalised by the attending forensic doctors. This left 670 cases of fatal road traffic deaths eligible for the study. Distribution of cases presented to the Department of Forensic Medicine, HKL and analysed in the study by year is shown Figure 4. In general, there was a declining trend in the number of road traffic death presented to the Department of Forensic Medicine, HKL with the highest number recorded in 2006 (209 cases) followed by 2008 and 2009 with 189 and 178 cases respectively. The drastic reduction in 2007 cases as compared to earlier and the following years were due to administrative reason as no post-mortem data were made available for the months of January and February.”*

Di samping isu di atas, pengambilan makanan yang haram juga dilihat turut menyumbang kepada masalah penularan gejala penyakit berjangkit terutama makanan yang bersumberkan khinzir. Sebagai contoh, serangan Virus Nipah di Bandar Ipoh, Perak dan Negeri Sembilan di Malaysia telah diklasifikasikan sebagai virus bawaan yang berasal daripada khinzir. Wabak epidemik ini menyebabkan 265 kes keradangan otak dan menyebabkan 105 kematian. Penularan virus yang dinamakan *paramyxovirus* yang berpunca dari ladang khinzir di Malaysia turut menular hingga ke Singapura.

Kebimbangan ini telah menyebabkan Singapura menghentikan import khinzir hidup, daging khinzir, serta produk berasaskan khinzir dari Malaysia sehingga sekarang (Brenda *et. al*, 2018: 2-3 dan Asok Kurup, 2002: 52-54). Dalam hal yang sama, serangan virus bersifat zoonosis yang dikenali sebagai COVID-19<sup>7</sup> menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization* (WHO)) mengisytiharkannya sebagai pandemik. Zoonosis adalah sejenis penyakit bawaan haiwan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa sumber makanan yang diharamkan dilihat boleh menyumbang kepada risiko penyakit berjangkit yang membahayakan nyawa manusia (S Mackenzie dan W Smith, 2020: 1-2, WHO, 2020 (a) dan Berita Harian, 2020 (b))<sup>8</sup>.

Hasil daripada permasalahan yang ditimbulkan di atas menunjukkan bahawa pengambilan makanan dan minuman yang diharamkan membawa pelbagai masalah dan implikasi buruk kepada aspek sosial, keselamatan, serta mampu membawa masalah kepada kesihatan manusia. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk memberikan paradigma baharu berkaitan tema *halalan toyyiban* dalam memelihara kesejahteraan manusia.

---

<sup>7</sup> Virus ini mula dikenalpasti pada 31 Disember 2019. Ketua WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus menyatakan COVID-19 sebagai singkatan, Co untuk Corona, Vi untuk virus dan D untuk penyakit (2020, *Berita Harian*). Diakses pada 12 Jun 2020 pada jam 10.30 pagi di: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/654825/covid-19-nama-rasmi-coronavirus>.

<sup>8</sup> WHO dalam laman sesawangnya menganjurkan tujuh tips diet yang seimbang bagi mengekalkan kesihatan di samping dapat mencegah penularan serangan virus tersebut. Pertama, memakan kepelbagaian jenis makanan, termasuk sayuran dan buah buahan. Kedua, mengurangkan garam dalam makanan. Ketiga, mengambil minyak dan lemak secara sederhana. Keempat, menghadkan pengambilan gula. Kelima, sentiasa minum air untuk mengelakkan kehilangan air dalam badan. Keenam, mengelakkan pengambilan alkohol dan ketujuh mengamalkan penyusuan kepada bayi (WHO, 2020 (b)).

### 3) Isu Pendapatan Halal Serta Hubungkaitnya Dengan Kualiti Pemakanan Keluarga.

Masalah pendapatan keluarga dan isi rumah yang tidak mapan menjadi isu kepada sekuriti makanan<sup>9</sup> dan akses kepada makanan yang berkhasiat kepada sesebuah keluarga (Nor Haidanadia Hasni et. al, 2016: 1-2). Sebagai bukti, Tabung Kecemasan Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Childrens' Fund* (UNICEF) dengan kerjasama firma penyelidikan tempatan DM Analytics, telah melaksanakan kaji selidik bertajuk 'Kemiskinan dan Penafian Hak Kanak-Kanak Bandar Di Rumah Pangsa Di Kuala Lumpur'.<sup>10</sup> Dapatan kajian ini mendapati kira-kira 15 peratus kanak-kanak di bawah umur 5 tahun mengalami pertumbuhan yang terbantut, 22 peratus mengalami kurang berat badan dan 23 peratus obes. Laporan ini mendedahkan juga bahawa, 1 daripada 5 kanak-kanak mengalami pertumbuhan terbantut dan 1 daripada 10 kanak-kanak mengalami kurang berat badan. Dapatan kaji selidik ini mendapati lagi, masalah kurang berat badan, terbantut dan kurus kering yang berleluasa dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah 5 tahun adalah dua kali ganda lebih banyak berbanding purata penduduk Kuala Lumpur. Masalah berat badan berlebihan yang berleluasa pula hampir enam kali ganda (23%) daripada purata penduduk Kuala Lumpur (4%). Akhirnya, hasil kajian ini menjelaskan bahawa 97% isi rumah menyatakan, harga barang makanan yang tinggi telah menghalang mereka untuk menyediakan hidangan sihat kepada anak-anak. Contohnya, kanak-kanak lebih meminum minuman berkarbonat

---

<sup>9</sup> Sekuriti makanan boleh ditakrifkan sebagai keadaan di mana semua orang mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat (*Food and Agriculture Organization of the United Nations*, 2017 :107).

<sup>10</sup> Muhammed Abdul Khalid adalah Ketua Perunding untuk UNICEF merangkap pengarah urusan dan ketua ekonomi di DM Analytics. Kajian ini menilai penafian hak kanak-kanak dalam empat dimensi iaitu pendapatan, pendidikan, kesihatan dan standard kehidupan. Kajian ini dilakukan antara 20 Ogos sehingga 30 September 2017 melibatkan 966 ketua keluarga dan 2,142 kanak-kanak di 17 lokasi di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, Selangor.

daripada meminum susu kerana harganya yang lebih mahal. Justeru, laporan ini dapat menjelaskan bahawa masalah kekurangan zat makanan adalah satu bentuk penafian hak kepada kanak-kanak dalam keluarga miskin bandar (UNICEF Malaysia, 2018: 37 dan 49).

Dalam pada itu, persidangan *Millennium Summit* di Addis Ababa, Ethiopia pada Julai 2015 dan di Paris pada Disember 2015 anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nation*) atau PBB, UNICEF telah membentangkan satu kertas kerja bertajuk '*Eradicating child poverty in all its dimensions*'. Masalah sosioekonomi berkaitan pendapatan ini akhirnya memberikan kesan dan impak yang sangat buruk ke atas perkembangan fizikal, mental, kognitif, dan sosial kanak-kanak. Hal ini seterusnya menyebabkan masalah kepada pencapaian pendidikan dan berkemungkinan mereka boleh tercicir dalam pendidikan (Nurul Izzah *et. al*, 2019 :18-19).

Dalam konteks Malaysia, laporan '*Kajian Indeks kesejahteraan Keluarga Malaysia*' (2011: 3 dan 15) yang dikeluarkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)<sup>11</sup> menyatakan, taraf ekonomi dan pendapatan keluarga yang kukuh amat penting dalam mempengaruhi kesejahteraan keluarga.<sup>12</sup> Hal ini kerana, masalah kemiskinan keluarga bukan hanya mempengaruhi kesusahan dalam masa jangka pendek tetapi juga memberi kesan langsung kepada keadaan keluarga untuk suatu jangka yang panjang. Contohnya, kanak-kanak yang dibesarkan dalam

---

<sup>11</sup> LPPKN adalah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

<sup>12</sup> Secara umumnya, indikator ekonomi yang sering digunakan dalam mengukur kesejahteraan adalah pekerjaan dan pendapatan. Namun, pengukuran subjektif digunakan untuk mengukur domain ekonomi keluarga adalah situasi ekonomi, jaminan ekonomi, beban hutang dan taraf hidup (Hasbullah *et. al*, 2014: <http://familyrepository.lppkn.gov.my/id/eprint/374>). Rujuk Hasbullah, Fauwaz and Muhamad, Mustapha Muda, dan Syafina (2014), *Kajian keseimbangan kerjaya dan keluarga* laporan yang dibentangkan di Forum Penyebaran Data Hasil Penyelidikan LPPKN Siri 2, 8 Mei 2014, Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya.

persekitaran keluarga miskin lebih berkemungkinan akan mengalami masalah dalam perkembangan dan kesihatan mereka (Duncan dan Brooks- Gunn, 1997: 71-72). Malahan, kanak-kanak miskin lebih cenderung untuk terjerumus dalam pelbagai kebejatan sosial (Belfield dan Levin, 2007: 143).

Daripada laporan-laporan tersebut, ternyata bahawa masalah pendapatan yang tidak mapan memberikan impak kepada kesejahteraan kehidupan keluarga terutama dalam ehwal kebolehdapatan makanan yang mencukupi, berkhasiat dan berkualiti untuk seisi keluarga (Nor Haidanadia Hasni *et. al*, 2016: 151-152, Alan Berg dan Sayogyo, 1986: 63-64).

Sementara itu, permasalahan pendapatan yang terhasil daripada pekerjaan yang haram atau *syubhah* memberikan kesan langsung kepada sumber makanan yang diperolehi, seterusnya memberi implikasi kepada konotasi pemakanan *halalan toyyiban*. Sebagai contoh, hasil pendapatan daripada pekerjaan yang haram seperti usaha yang berkaitan secara langsung dengan arak akan menghasilkan pendapatan yang haram. Makanan yang diperolehi daripada pendapatan yang haram dianggap haram dalam Islam. Perkara ini ada dibincangkan dalam topik *haram li ghairihi* dalam ilmu *uṣul fiqh* (al-Haddad, 2015: 371-372).

Rumusannya, masalah ketidakmapanan pendapatan atau masalah sosioekonomi memberi kesan buruk kepada kebolehcapaian makanan yang berkualiti. Dalam pada itu, soal pendapatan daripada sumber yang halal perlu diadaptasi dengan baik supaya menepati konsep pemakanan *halalan toyyiban*. Hal ini dapat menjamin kesihatan dan kesejahteraan kehidupan sebuah keluarga mukmin dari aspek duniawi dan ukhrawi.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian ini dibuat untuk mencapai objektif berikut;

- 1) Mengkaji konsep pemakanan *halalan toyyiban* daripada perspektif Islam;
- 2) Mengkaji konsep pemakanan penerima Anugerah Keluarga Mithali (AKM);
- 3) Membina garis panduan berdasarkan konsep pemakanan *halalan toyyiban* penerima AKM.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian yang dapat dibangkitkan adalah seperti berikut:

- 1) Apakah konsep pemakanan *halalan toyyiban* daripada perspektif Islam?;
- 2) Apakah konsep pemakanan penerima AKM?;
- 3) Apakah garis panduan berdasarkan konsep pemakanan *halalan toyyiban* penerima AKM?

#### **1.6 Kerangka Teoritikal dan Konseptual Kajian**

Kajian ini keseluruhannya berorientasikan kajian kualitatif. Kajian kualitatif dibentuk dan berkembang melalui proses induktif, iaitu membolehkan suatu konsep, teori, dan hipotesis dibentuk daripada maklumat yang dikumpul secara meluas dan mendalam. Justeru, amat sukar untuk menjelaskan kajian sekiranya kajian itu tidak mempunyai kerangka teori atau kerangka konseptual. Maksud kerangka teorikal adalah orientasi atau



pendirian penyelidik berkaitan struktur kerangka sokongan atau kerangka kajian. Kerangka kajian akan dibina berdasarkan konsep, istilah, definisi, model, dan teori literatur yang dirujuk (Othman Lebar, 2009: 77-78). Penghasilan kerangka teoritikal merupakan langkah pertama yang menyokong pembinaan kerangka konseptual yang hadir selepas kerangka teoritikal kajian (Mildred dan Shuki, 2007: 129-130).

Dalam kajian ini, kerangka teoritikal kajian akan melalui kajian kepustakaan untuk membina kefahaman holistik berkenaan Konsep Pemakanan Islam (KPI) dan Konsep Pendapatan Halal (KPH). Hasil paduan antara KPI dan KPH, Konsep Pemakanan *Halalan Toyyiban* (KPHT) dapat dibentuk yang mana hasil pemahamannya dapat digunakan sebagai panduan ketika proses temu bual dijalankan.

Sementara itu, kerangka konseptual pula membolehkan pengkaji memahami keseluruhan kajian secara bersistematik dengan menyusun dan melaksana modus operandi kajian secara jelas (Mildred dan Shuki, 2007: 129). Oleh itu, kerangka konseptual kajian dibina dengan mengambil kira ekstrak teori-teori yang diadaptasi di dalam kerangka teoritikal, objektif kajian, persoalan kajian dan kajian literatur, kemudian disusun atur sebagai kerangka khusus kajian (Mohammad Amir, 2015: 14).

Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji dapat memaparkan kerangka teoritikal dan konseptual kajian seperti berikut: